

Sejarah orang-orang yang murtad

Di dalam al-Qur'an banyak ayat-ayat yang menyentuh tentang orang-orang yang murtad dan ancaman Allah kepada mereka.

Di antara ayat-ayat tersebut ada yang telah menjadi bahan pentafsiran para ulama ahli tafsir yang mencatatkan

nama orang-orang yang telah murtad itu.

(Oleh: Ahmad Sonhadji Mohamad)

Di antara ayat-ayat itu ialah ayat 54 surah al-Maidah yang berbunyi: *yā ayyuha al-ladhīna āmanū man yar tadda minkum 'an dīnihi fasawfa ya'tī Allahu yuhibbuhum wa yuhibbūnahu adhillatin 'alā al-mu'minīna a'izzatin 'alā al-kāfirīna yujāhidūna fī sabīli Allāhi walā yakhāfūna lawmata lā'im. Dhālika faḍlu Allāhi yu'tīhi man yashā'u wa Allāhu wāsī'un 'alim.*

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman! Barang siapa daripada kamu murtad (kembali) dari agamanya (Islam), maka nanti Allah akan mendatangkan satu kaum yang Allah mengasihi mereka dan mereka mengasihi Allah, mereka bertimbang rasa terhadap orang-orang mukmin, berkeras terhadap orang-orang kafir, berperang pada jalan Allah dan tiada takut celaan orang. Demikian itulah kurnia Allah yang diberikannya kepada siapa-siapa yang dikehendakinya. Dan Allah itu luas kurnianya."

Dalam mentafsirkan ayat-ayat ini, al-Hasan telah berkata;

Allah telah pun tahu bahawa segolongan orang-orang Islam, kelak akan murtad selepas wafatnya Nabi Muhammad (S.A.W) Allah telah menelah apa yang akan berlaku itu, sehingga diberitakannya, bahawa Allah akan mendatangkan suatu kaum yang dikasihi oleh Allah dan mereka pula mengasihi Allah.

Erti "murtad" ialah; orang yang berbalik dari agamanya yang hak, iaitu keluar dari agama Islam yang telah

dipeluknya atau menukarkannya dengan yang lain, sehingga menjadi kufur setelah beriman, atau kafir sesudah Islam. Dan seseorang itu menjadi murtad tersebut oleh salah satu dari tiga perkara; iaitu tersebut perkataannya, atau perbuatannya, atau hanya dengan niatnya sahaja. Maka tindakannya yang telah diambilnya itu tidak akan menyusahkan Allah sedikit jua pun, bahkan akan menyusahkan dirinya sendiri.

Maksud "barang siapa daripada kamu murtad (berbalik) dari agamanya (Islam); maka nanti Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mengasihi mereka dan mereka mengasihi Allah" - mengikut tafsir al-Razi demikian:

Hai orang-orang beriman! Barang siapa dari kamu menjadikan orang-orang kafir pemimpin lalu kamu murtad dari agama kamu, ketahuilah bahawasanya Allah akan mendatangkan kaum yang lain yang akan menolong agama ini dengan cara yang sebaik-baiknya.

Para mufassirin menyebutkan: ada sebanyak 11 golongan orang-orang Arab yang telah murtad - di antara mereka itu 3 di zaman Nabi Muhammad (S.A.W), 7 di zaman Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq dan 1 di zaman Saidina Umar bin al-Khattab.

Untuk pengetahuan bersama maka saya perturunkan nama-nama dan hal ehwal mereka di bawah ini mengikut yang tercatat dalam sejarah:

(1) Kaum bani Mudallij yang diketuai oleh “Zul Himar”. Namanya Ailah bin Ka‘ab al-‘Ansī, atau disebut juga al-Aswad al-‘Ansī digelar “Zul Himar” kerana dia ada mempunyai seekor keldai yang memerintah dan menegah. Apa yang diperintahkan oleh keldai itu dipatuhnya dan apa yang ditegahnya ditinggalkan. Dengan demikian, jadilah ia seorang tukang tilik, lalu mengaku dirinya nabi di negeri Yaman dan menguasai negeri itu. Di negeri Yaman terdapat pegawai-pegawai Nabi (S.A.W) yang bertugas di sana, pegawai-pegawai ini telah dihalaunya keluar negeri, maka Nabi (S.A.W) telah menulis sepucuk surat kepada Muaz bin Jabal dan ketua-ketua negeri Yaman, supaya menasihatkan orang-orang Islam di sana, iaitu hendaklah berpegang teguh dengan agama mereka, dan diperintahkan supaya memusnahkan nabi palsu tersebut. Akhirnya Zul Himar dapat dibunuh oleh “Fairuz al-Daylami” dalam satu serbuan di waktu malam iaitu ketika berada di tempat tidurnya.

Mengikut yang diriwayatkan oleh Umar *radīya Allāhu ‘anhu*; bahawa Jibril telah membawa berita terbunuhnya al-Aswad al-‘Ansī atau Zul Himar itu pada malam itu juga kepada Nabi (S.A.W). Esoknya baginda telah berkata: al-Aswad telah terbunuh semalam, dibunuh oleh orang yang diberkati Allah.” Orang ramai bertanya: “Siapa orang itu?” jawab baginda: “Fairuz. Fairuz telah berjaya.” Berita itu sangat menggembirakan orang-orang Islam yang mendengarnya. Dan pada hari esoknya itu jualah berlaku peristiwa kemangkatan Nabi (S.A.W) iaitu pada 12 Rabi‘ al-Awwal tahun 10 hijrah. Sedang orang membawa berita terbunuhnya Zul Himar itu pula iaitu “Usamah Bin Zaid” baru tiba di Madinah pada penghujung bulan Rabi‘ al-Awwal.

(2) Kaum Bani Hanifah, yang diketuai oleh Musailamah al-Kazzab (Musailamah pembohong) di negeri Yamamah. Musailamah telah mengaku dirinya nabi: dia mendakwakan,

ada berkongsi di dalam kenabian bersama-sama dengan junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W). Kerana itu ditulisnya surat kepada baginda yang maksudnya demikian:

“Dari Musailamah utusan Allah kepada Muhammad utusan Allah. Adapun kemudian daripada itu, maka adalah bumi ini separuh kepunyaan saya dan separuh yang lain kepunyaan tuan.”

Kemudian surat itu diberikannya kepada dua orang utusannya untuk disampaikan kepada Nabi (S.A.W). Setelah surat diterima oleh baginda, maka ujar baginda kepada kedua utusan tersebut: “Kalaulah bukan menjadi larangan membunuh orang-orang yang menjadi utusan, nescaya ku penggal leher kamu berdua. “Kemudian surat itu dibalas oleh Nabi (S.A.W) yang maksudnya demikian:

“Dari Muhammad utusan Allah kepada Musailamah (al-Kazzab). Adapun kemudian daripada itu, maka adalah bumi ini Allah yang empunya, diwariskannya kepada siapa-siapa dari hambanya yang dikehendakinya, dan kesudahan itu bagi orang-orang yang takut (kepada Allah).”

Selang beberapa lama kemudian Nabi (S.A.W) sakit lalu meninggal dunia. Saiyidina Abu Bakar dilantik oleh orang ramai menjadi khalifah. Beliau telah mengutus Khalid Bin Walid memerangi Musailamah al-Kazzab dengan sepasukan askar yang besar. Akhirnya Musailamah dapat dibunuh oleh “Wahsyi” bangsa Habsyi setelah mereka hebat bertempur. Adapun Wahsyi semasa kafirnya dahulu menjadi abdi kepada Mat‘am bin Udai. Dia telah membunuh Saiyidina Hamzah Bin Abdul Mutalib dalam peperangan Uhud kerana hendakkan kemerdekaan dirinya. Akhirnya menjadi orang Islam yang baik dan telah berjuang kerananya. Ketika Wahsyi dapat membunuh Musailamah, dia telah berkata: “Semasa saya dalam jahiliah, saya telah membunuh sebaik-baik manusia (Hamzah), dan semasa saya dalam

Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita

yang indah dan menarik, buah kalam

Jurji Zaydan, pengarang Mesir

yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan

tentera Islam yang dipimpin oleh

pahlawan Islam yang mahsyur -

Tariq Bin Ziad, menggempur tentera

Sepanyol dan menghancurkan leburkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan

dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan

berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa dilapan

kurun.

(Naskhah Rumi: sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya

Qalam

8/356 Geylang Rod Singapura 14.

Islam saya telah membunuh sejahat-jahat manusia (Musailamah al-Kazzab).

Mengikut dakwaan Musailamah al-Kazzab, dia telah dituruni wahyu sebagai nabi-nabi yang lain. Dengan demikian dia mengatakan ada mempunyai kitab sendiri dari langit.

Dakwaannya adalah dusta dan kitabnya adalah palsu walaupun dikarangnya dengan meniru gaya atau sajak al-Qur’ān tetapi tiada bernilai langsung, bahkan setengah isinya ada yang tersangat lucu, diantaranya sebagai contoh di bawah ini.

Alam tarakaifa fa’ala bi al-ḥabli. ahraju minha nasamah tas’a min bayna sharra sifu wahshan.

Ertinya: “Tidakkah engkau lihat bagaimana tuhanku memperlakukan perempuan yang bunting. Dikeluarkan daripadanya suatu nyawa yang terlari-lari. Dari tempat yang berada di antara rusuk dan perut.

Al-fīl. Mā al-fīl. Wamā adrāka ma al-fl. Al-fīl hayawānu lahu zanbin wasīl. Wakhurṭūm tawīl an dhalika min rubnā liqalīl.

Ertinya:”Gajah. Apa dayanya gajah. Tahukah engkau apa gajah itu? Gajah seekor binatang yang mempunyai ekor seperti tali, dan belalai yang panjang. Bahawa yang demikian itu ialah ciptaan tuhan yang sungguh sedikit”

Demikianlah sebagai contoh. Tujuan Musailamah berbuat demikian, kerana hendak menandingi al-Qur’ān yang kononnya sebagai bukti tentang kenabiannya.

(3) Kaum bani Asad yang diketuai oleh Tulaihah bin Khuwailid. Dia mengaku dirinya nabi di zaman Nabi (S.A.W). Manakala baginda wafat, Saiyidina Abu Bakar mengutus panglima Khalid bin al-Walid memeranginya. Tulaihah bersama-sama askarnya tewas dalam pertempuran, tetapi dia dapat

melarikan dirinya ke negeri Syam. Akhirnya dia berbalik

masuk Islam dan menjadi orang Islam yang baik.

- (1) Fazarah, kaum ‘Uyainah bin Haṣīn.
- (2) Ghutfān, kaum Korah bin Salamah al-Qusyairy.
- (3) Banu Salim, kaum al-Fajā’ah bin Abū Yālīl.
- (4) Banu Yarbū’, kaum Malik bin Nuwairah.
- (5) Sabahagian kaum bani Tamim, yang diketuai

oleh seorang perempuan yang mengaku dirinya nabi, bernama Sijāh binti al-Munzir. Orang-orang yang menjadi pengikutnya selain kaumnya sendiri iaitu dari bani Tamim, juga bani Taghlib kaum dari sebelah ibunya.

Sijāh ini mahir mencipta sajak (saja’)

seperti Musailamah al-Kazzab dan Tulaiyah al-Sidi yang sama-sama mengaku diri masing-masing itu nabi. Di antara sajaknya berbunyi:

‘idū al-rikāb. Wasta ‘idū ‘alā al-nihāb. Thumma ghīrū ‘alā al-rabāb. Falaisa dunahum hujab.

Ertinya: “Siapkan oleh kamu akan tunggangan.

Bersedialah untuk melakukan rompakan. Kemudian seranglah semua kaum yang bertahan. Di hadapan mereka tak akan ada yang menahan.”

Dia hendak menyerang kota Madinah yang diperintah oleh Saiyidina Abu Bakar. Tetapi pengikut-pengikutnya mengajaknya supaya memerangi Musailamah al-Kazzab di negeri Yamamah. Maka pergilah dia ke sana dengan askar-askarnya. Musailamah tahu akan kedatangannya, lalu bersedialah ia dengan tipu helahnya. Mula-mula dihantarnya hadiah, kemudian minta perlindungannya, dan ingin berjumpa dengannya. Sijāh meluluskan permintaannya, dan membenarkannya datang bersama 40 orang dari bani Hanifah. Setelah datang, Musailamah meminta supaya Sijāh menyuruh orang-orangnya menjauhkan diri agar keduanya tidak

diganggu oleh sesiapa. Sijāh mensetujui.

Keduanya pun duduk berdua-duaan dalam sebuah khemah yang sengaja disediakan di dalamnya ada unggunan api untuk memanaskan badan, yang dibakarkan pula kayu gaharu yang baunya dapat membangkitkan nafsu keberahian. Mulalah keduanya berbalas-balas sajak yang dikatakannya wahyu dari tuhan, tetapi isinya merupakan pujuk cumbu dan permainan asmara, kemudian diserahkan dirinya sampai Musailamah mengawininya. Dia pun tinggal bersama Musailamah selama 3 hari, kemudian kembali menemui kaumnya. Mereka bertanya apa yang sudah berlaku? Dijawabnya; dia berhak mengikuti Musailamah dan berkahwin dengannya. Kaumnya bertanya lagi sama ada dia diberi mas kahwin atau tidak? Dijawabnya; tidak. Kaumnya menyuruh supaya dia menuntut mas kahwinnya, dia pun pergi menuntut. Tetapi yang diberikan oleh Musailamah ialah seuntai karangan sajak yang maksudnya demikian:

“Katakanlah kepada kaummu, bahawa Musailamah utusan Allah. Dia telah menggugurkan dua rakaat sembahyang yang dibawa oleh Muhammad. Iaitu sembahyang subuh dan isyak yang penghabisan.”

Demikianlah, sebahagian dari kisah dua orang nabi palsu yang mempunyai sifat satu jantan dan yang lagi satu betina.

Khabarnya setelah Musailamah terbunuh, Sijāh melarikan diri kepada kaumnya, kemudian telah mati dengan tidak diketahui beritanya. Tetapi sesetengah qaul mengatakan, Sijāh kembali masuk Islam dan menjadi orang Islam yang baik, dan mati di negeri Basrah.

- (9) Kindah, kaum al-Ash’ath bin Qais
- (10) Bani Bakar bin Wa’il, kaum al-Hatim bin Zaid di negeri Bahrain. Ketujuh-tujuh kaum yang akhir ini dengan

pertolongan Allah telah dapat dimusnahkan oleh tentera-tentera

Saiyidina Abu Bakar (R.A.)

(11) Hanya satu kaum sahaja yang murtad

dalam pemerintahan Saiyidina Umar al-Khattab (R.A.)

iaitu kaum Ghassaā yang diketuai oleh Jablah bin al-Ayham.

Mengikut ceritanya, (Jablah) ini seorang raja, datang kepada Saiyidina Umar di Madinah bersama kaumnya lalu masuk Islam. Pada suatu hari, sedang Jablah

mengerjakan tawaf berkeliling Ka'bah di Makkah, bajunya telah terpijak oleh "al-Fazari". Orang itu ditumbuknya

hingga hidungnya pecah dan dua batang giginya patah.

Peristiwa itu telah dibawa oleh al-Fazari ke muka pengadilan,

dan Saiyidina Umar telah menjatuhkan hukuman sama ada orang

yang tercedera itu memaafkan atau menuntut qisas

(balasan cedera). Jablah menyangkal dengan mengatakan: "Adakah

tuan menuntut qisas walhal saya raja sedang dia

orang pasaran?" jawab Saiyidina Umar: "Agama Islam

mempersamakan antara engkau dengan dia. Tak dapat engkau melebihinya

melainkan dengan pengampunannya. "Jablah meminta kepada Saiyidina Umar

bertangguh sampai esok. Dia diberi tangguh. Tetapi

malamnya dia melarikan diri ke negeri Syam, lalu murtad

dan memeluk agama Nasrani. Dan khabarnya telah menyesal

kemudian.

Seterusnya dalam penghuraian ayat 54¹ tersebut

para ulama telah bertelingkah pendapat tentang firman Allah yang

berbunyi:

fasawfa ya 'ī Allāhu bi qawmi yuhibbuhum wa yuhibbūnahu

Ertinya: "Maka nanti Allah akan mendatangkan suatu

kaum yang Allah mengasihi mereka dan mereka mengasihi

Allah."

Ada yang mengatakan: Mereka itu ialah Saiyidina Abu Bakar

al-Siddiq dan tenteranya yang memerangi kaum yang murtad dan

yang enggan membayar zakat. Ada yang mengatakan: Mereka itu ialah

kaum Abu Musa al-Ash'ari. Ada yang mengatakan kaum

Anṣār, kerana mereka telah membantu Nabi (S.A.W) mengembangkan

agama Islam. Dan ada pula yang mengatakan: Mereka itu ialah

orang-orang di negeri Yaman yang berjuang dalam pertempuran

al-Qadisiyah semasa pemerintahan Saiyidina Umar (R.A.)

Kesimpulannya: Ayat ini memberitakan tentang khabar

ghaib, dan akhirnya benar-benar berlaku dengan kehendak Allah.



Buku-buku pelajaran

Surat-menyurat (Jawi)	\$ 1.80
Sejarah ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan membaca dan menulis Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Makmum, Masbuq dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

356/8 Geylang Road.

SINGAPORE 14.

¹ Surah al-Ma'idah